**Kemaskini: 20 Februari 2026**

**AGENDA 3 : PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**
**STATUS TINDAKAN SUSULAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-64**
**(Mesyuarat pada 15 Disember 2025)**

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **64.3** | | **Perkara-Perkara Berbangkit** | | |
| **1.** | **64.3(b)** | Mesyuarat mengambil perhatian berkenaan perkara status tindakan susulan bagi Perkara 5; Minit 63.6(c) Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan 2025 iaitu Akademi Sukan tidak memberi sebarang respon berkenaan penghantaran pelaporan pencapaian piagam pelanggan bulan Jun hingga Oktober 2025 kepada Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU). Surat peringatan juga telah diberikan kepada Ketua PTJ dan disalinkan kepada TWP PP Pejabat Naib Canselor (PNC) pada 2 Disember 2025. | **TWP PP – PNC & PKPU** | **1) TWP PP PNC:**<br>Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan 2025 Akademi Sukan:<br>1. Jun – November 2025 telah dikemukakan kepada Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat pada 15 Disember 2025; dan<br>2. Disember 2025 telah dikemukakan kepada Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat pada 9 Januari 2026.<br><br>**2) PKPU:**<br>Hasil semakan rekod, Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Akademi Sukan sehingga Disember 2025 telah lengkap diterima. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **2.** | **64.3(c)** | Mesyuarat mengambil perhatian berkenaan perkara status tindakan susulan bagi Perkara 8; Minit 63.8(i) Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) iaitu berkenaan pengenalpastian risiko tinggi PTJ agar tindakan secara komprehensif dapat diambil. Perkara yang perlu diambil perhatian:<br><br>i. pelaporan penilaian risiko QMS (eOPRISK) adalah menggunakan *Microsoft Excel Advanced* di mana tiada satu pelaporan komprehensif daripada PTJ yang boleh dijana dan laporan yang dibentangkan dalam Mesyuarat JK Kualiti UPM merupakan satu platform untuk Peneraju Proses mengambil perhatian/cakna terhadap senarai risiko yang didaftarkan dan penilaian yang dibuat oleh PTJ bagi setiap penggal (HY1 dan HY2).<br><br>ii. terdapat satu Mesyuarat JK Pengurusan Risiko Universiti (JKPRU) yang diadakan bagi membincangkan risiko-risiko strategik yang berkemungkinan ada pertindihan dengan risiko-risiko operasi QMS.<br><br>iii. Urusetia Risiko CQA dapat memperhalusi berkenaan tren daftar dan penilaian risiko PTJ dan dapat dibincangkan secara bersama dengan TWP PP/PTJ dan dibawa ke peringkat Universiti untuk risiko-risiko yang telah dinilai setiap tahun. | **Urus Setia Risiko CQA, Sekretariat PRU, semua TWP PP/PTJ** | 1) **<u>Urus Setia Risiko Operasi Perkhidmatan - CQA:</u>**<br>CQA merupakan peneraju pengurusan risiko operasi Universiti Putra Malaysia (UPM) yang bertanggungjawab menyelaras laporan penilaian risiko operasi bagi semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UPM.<br><br>Keperluan pelaksanaan penilaian risiko ini adalah selaras dengan Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015 yang menekankan pemikiran berasaskan risiko (Risk-Based Thinking, RBT) sebagai elemen teras dan wajib bagi memastikan keberkesanan serta pematuhan Sistem Pengurusan Kualiti. Pelaksanaan penilaian risiko di UPM telah bermula pada tahun 2017, selari dengan peralihan Standard QMS daripada versi 2008 kepada versi 2015, dan dilaksanakan secara konsisten sehingga kini.<br><br>Pada peringkat awal, penilaian risiko memberi tumpuan kepada risiko operasi sahaja, yang mana laporan penilaian risiko tersebut dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM yang dianggotai oleh Pentadbir PTJ selaku Timbalan Wakil Pengurusan PTJ. Seterusnya, laporan penilaian risiko operasi tersebut dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | iv. Urusetia Risiko CQA dimohon untuk melihat kesinambungan laporan penilaian risiko operasi QMS ke mesyuarat JKPRU.<br><br>v. Sekretariat Pengurusan Risiko Universiti (PRU) memaklumkan, Yang Berbahagia Dato' Naib Canselor telah meminta untuk laporan penilaian risiko QMS bernilai tinggi yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat JK Kualiti UPM dikemukakan kepada pihak JKPRU.<br><br>vi. pihak Peneraju Proses perlu mengambil tindakan lebih komprehensif pada isu-isu risiko operasi yang didaftarkan dan impak kepada penilaian atau keberhasilan daripada tindakan yang diambil bagi menangani isu dan risiko yang disenaraikan.<br><br>vii. pendaftaran risiko adalah bukan untuk menyelesaikan masalah sahaja tetapi sebagai platform dokumen sokongan untuk sebarang tindakan selanjutnya. | | Universiti (JPRU) dan dilaporkan oleh Pengarah CQA.<br><br>Antara isu yang dikenalpasti semasa pelaporan risiko operasi di dalam Mesyuarat JKPRU adalah pelaporan risiko di peringkat JKPRU telah menimbulkan pertindihan pelaporan antara risiko operasi yang dibentangkan oleh Pengarah CQA dengan risiko strategik yang dibentangkan oleh Peneraju berkaitan, iaitu kewangan, sumber manusia, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pembangunan, pematuhan serta perundangan.<br><br>CQA telah mengadakan **sesi perbincangan bersama pihak Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK)** selaku Urus Setia Jawatankuasa Pengurusan Risiko Universiti pada **19 Januari 2026**, bertempat di Bilik Mesyuarat CQA, UPM bagi meneliti keperluan penglibatan CQA di peringkat risiko strategik UPM.<br><br>**Hasil/Resolusi Perbincangan:**<br>(a) Pihak CQA akan memberikan data risiko operasi kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor dan Peneraju yang terlibat mengikut kategori fungsian/operasi. |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | (b) Peneraju berperanan untuk:<br>i. meneliti risiko kategori masing-masing;<br>ii. merangka dan melaksanakan strategi pengurusan risiko yang bersesuaian;<br>iii. menyepadukan risiko operasi kepada risiko strategik Universiti; dan<br>iv. melaporkan dalam Mesyuarat JKPRU di bawah agenda risiko berkaitan.<br><br>**2) <u>Sekretariat Pengurusan Risiko Universiti - PSPK:</u>**<br>Urusetia Mesyuarat JPRU memohon setiap Peneraju Risiko untuk melengkapkan daftar risiko bagi pelaporan HY1 dan HY2 mengikut kategori yang tepat.<br><br>Selain itu, daftar risiko operasi yang telah dianalisis oleh pihak CQA hendaklah diteliti semula oleh Peneraju Risiko untuk diangkat sebagai risiko strategik UPM dan dibentangkan dalam Mesyuarat JPRU. |

<table>
<tr><th>BIL</th><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th><th>MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN</th></tr>
<tr><td colspan="2">64.4</td><td colspan="3">Laporan Dokumentasi (QMS dan ISMS)</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>64.4(g)</td><td>Mesyuarat mengambil perhatian berkenaan peringatan daripada Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) ISMS di mana kawalan akses yang berkaitan dengan ISMS turut merujuk kepada dokumen dalaman lain yang disediakan, dipantau dan dikawal oleh PTJ atau Peneraju Proses masing-masing.</td><td>TWP PP/TWP PTJ</td><td><u>PKD, UPM/Penyelaras ISMS UPM:</u><br>Taklimat Dokumentasi ISO UPM telah diadakan pada 15 Januari 2026 kepada semua TPKD PP dan TPKD PTJ. Taklimat ini merangkumi berkenaan pengurusan dokumen ISO dan kawalan dokumen dalaman dan luaran di PTJ.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>64.4(h)</td><td>Mesyuarat turut mengambil perhatian berkenaan makluman daripada wakil Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU) di mana Pejabat Pendaftar akan melantik Pegawai Pengelas bagi setiap PTJ untuk membantu proses pengkelasan dokumen terperingkat yang turut dijadikan sebagai dokumen dalaman PTJ.</td><td>PRJU</td><td>Perbincangan bersama dengan pihak Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) mengenai proses pelantikan Pegawai Pengelas di Universiti Putra Malaysia akan diadakan pada 27 Februari 2026.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>64.4(k), 64.4(l) & 64.4(m)</td><td>Mesyuarat:<br><br>(k) mengambil perhatian sebanyak 133 dokumen yang belum pinda tahun 2022 dan perlu disemak serta dikemaskini pada tahun 2026 mengikut ketetapan tarikh kuat kuasa yang telah disediakan iaitu:<br><br><table><tr><th>Tarikh Kuat Kuasa</th><th>Tarikh TPKD perlu muat naik dokumen dalam eISO</th></tr><tr><td>11 Feb. 2026</td><td>22 Jan. 2026</td></tr><tr><td>30 Jun 2026</td><td>11 Jun 2026</td></tr><tr><td>30 Okt. 2026</td><td>13 Okt. 2026</td></tr></table></td><td>PKD/TWP PP</td><td>1) <u>PKD, UPM:</u><br>Pemakluman berkaitan Jadual Tindakan Kuat Kuasa Dokumen ISO Tahun 2026 telah dihantar melalui e-mel kepada semua TWP PP dan TPKD PP pada 31 Disember 2025 untuk tindakan perancangan dokumen yang terlibat oleh pihak Peneraju Proses.<br><br>Bagi status dokumen tahun 2022 yang telah disemak adalah:<br>Semak/Pinda – 2 dokumen<br>Semak/Gugur – 2 dokumen<br><br>Baki jumlah dokumen tahun 2022 yang perlu disemak adalah sebanyak 129 dokumen.</td></tr>
</table>

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|

(I) mengambil perhatian skop dokumen yang terlibat dalam proses semakan dokumen ISO (QMS dan ISMS) belum pinda tahun 2022 adalah seperti pada rajah di bawah:

| SKOP DOKUMEN | | | KATEGORI DOKUMEN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | MANUAL | PROSEDUR | ARAHAN KERJA/ ARAHAN TETAP | GARIS PANDUAN | DOKUMEN SOKONGAN LAIN | JUMLAH |
| A) SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001 | | | | | | | | |
| 1 | Skop Pengurusan (PGR) | | | | | | | |
| | 1.1 | Pengurusan (PGR) | - | 1 | - | - | 2 | 3 |
| 2 | Skop Perkhidmatan Utama (PU) | | | | | | | |
| | 2.1 | Pengajian Prasiswazah (PS) | - | - | - | 3 | 10 | 13 |
| | 2.2 | Pengajian Siswazah (S) | - | - | - | - | 3 | 3 |
| | 2.3 | Penyelidikan dan Inovasi (PY) | - | - | - | - | 4 | 4 |
| 3 | Skop Sokongan | | | | | | | |
| | 3.1 | Kewangan (SOK-KEW) | - | - | - | - | 3 | 3 |
| | 3.2 | Peralatan, Kemudahan Infrastruktur dan Kenderaan (SOK-PYG) | - | - | 1 | - | 2 | 3 |
| | 3.3 | Penentukuran dan Verifikasi Peralatan (SOK-CAL) | - | - | - | - | 1 | 1 |
| 4 | Skop Operasi Perkhidmatan Sokongan | | | | | | | |
| | 4.1 | Pejabat Naib Canselor (PNC) | - | - | - | 2 | 4 | **6** |
| | 4.2 | Pejabat Pendaftar (PEND) | - | - | - | - | 4 | **4** |
| | 4.3 | Pejabat Bursar (BUR) | - | 1 | - | 1 | 1 | **3** |
| | 4.4 | Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) | - | - | 1 | 2 | 18 | **21** |
| | 4.5 | Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) | - | - | - | 3 | 3 | **6** |

Namun, bilangan keseluruhan dokumen yang terlibat pada **tarikh kuat kuasa 11 Februari 2026** adalah sebanyak **45 dokumen** iaitu:

| | |
|---|---|
| Pinda | 30 dokumen |
| Baharu | 6 dokumen |
| Gugur | 9 dokumen |

Status terkini dan perincian berkaitan pengurusan dokumentasi ISO (QMS dan ISMS) adalah sebagaimana laporan oleh Pegawai Kawalan Dokumen (PKD) UPM seperti **pada Laporan Agenda 4 – Laporan Dokumentasi (QMS, ISMS).**

**2) <u>TWP PP iDEC:</u>**
Cadangan pindaan dokumen (CDP) ke atas Log Penyelenggaraan Berkala (Tahunan) (OPR/IDEC/BL03/PenyelenggaraanTahunan) telah dikemukakan pada 23 Januari 2026 kepada PKD untuk dikuatkuasa pada 11 Februari 2026.

**3) <u>TWP PP PEJ. TNCPI:</u>**
Terdapat 4 dokumen sokongan Skop Perkhidmatan Utama dan 1 dokumen Skop Sokongan di bawah Pej. TNCPI selaku Peneraju Proses kini sedang dalam status semakan dan dicadangkan dipinda pada tahun 2026. Cadangan kuat kuasa adalah pada 30 Jun 2026 atau 30 Oktober 2026.

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | (lihat di bawah) | | |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.6 | Pusat Kesihatan Universiti (PKU) | - | - | - | - | 2 | **2** |
| 4.7 | Pusat Islam Universiti (PIU) | - | 1 | - | - | - | **1** |
| 4.8 | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) | - | - | - | - | 1 | **1** |
| 4.9 | Pusat Pertanian Putra (PP) | - | 5 | - | 6 | 20 | **31** |
| 4.9 | Hospital Veterinar Universiti, Fakulti Perubatan Veterinar - Operasi (FPV) | - | - | 2 | - | - | **2** |
| 4.10 | Pusat Antarabangsa Putra (INTL) | - | 5 | 14 | - | 7 | **26** |
| **JUMLAH DOKUMEN** | | **-** | **13** | **18** | **17** | **85** | **133** |

(m) mengambil perhatian keperluan membuat semakan dokumen telah dinyatakan dalam Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001) - Perkara 5.6: Laksana semakan semula dokumen sekurang-kurangnya satu (1) kali setiap lima (5) tahun bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesannya dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan ISO. Tindakan peneraju proses boleh membuat keputusan sama ada dokumen;

(i) **Dikekalkan** – sekiranya tiada perubahan pada isi kandungan dan masih relevan dengan pelaksanaan semasa.
(ii) **Digabungkan** – sekiranya dokumen bertindih fungsi/proses dengan dokumen lain.
(iii) **Digugurkan** – sekiranya dokumen tidak lagi relevan dengan pelaksanaan terkini.

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| **64.5** | | **Laporan Audit (QMS dan ISMS)** | | |
| **6.** | **64.5(h)** | Mesyuarat mengambil perhatian justifikasi yang diberikan oleh PTJ untuk NCR 2024 yang belum ditutup dan turut memohon PTJ berkaitan yang belum menutup/mengambil tindakan bagi peluang penambahbaikan (OFI) yang disenaraikan untuk berbuat demikian bagi memastikan penemuan dapat ditutup. | **TWP PP/TWP PTJ FBSB, HSAAS, IKP, iPUTRA, PKKSAAS, PPP, PSAS, UPMKB** | **1) <u>PAD UPM:</u>**<br>Status terkini bagi pengurusan audit QMS dan ISMS UPM adalah sebagaimana laporan oleh Penyelaras Audit (PAD) UPM seperti **pada Laporan Agenda 5 – Laporan Audit (QMS, ISMS).**<br><br>**2) <u>TWP FBSB:</u>**<br>Semua dokumen terbaharu yang telah ditambahbaik kali kedua berkaitan permohonan mendapatkan Sijil Perakuan Kelayakan Dandang (PMD) telah diserahkan kepada Pusat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP) UPM pada 20 Januari 2026. Pihak PPKKP telah mengemukakan permohonan Permission to Install (PTI) melalui portal MYKKP DOSH bagi tujuan kelulusan pemasangan dan pemeriksaan dandang pada 2 Februari 2026.<br><br>Sehingga tarikh laporan ini, permohonan PTI masih belum menerima kelulusan daripada pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).<br><br>Selepas kelulusan PTI diperoleh, kerja-kerja servis dan penyelenggaraan dandang/autoclave akan dijalankan oleh pihak pembekal yang dilantik. Pihak PPKKP UPM kemudiannya akan memohon dengan pihak DOSH bagi |

| BIL | MINIT | AGENDA | TINDAKAN | MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | | | melaksanakan pemeriksaan pemula autoclave berkenaan bagi tujuan pengeluaran Sijil Perakuan Kelayakan Dandang (PMD).<br><br>3) **<u>TWP PP PSAS:</u>**<br>Penemuan OFI bagi PSAS telah ditutup pada 18 Disember 2025.<br><br>Tindakan penambahbaikan telah dirancang secara menyeluruh melalui projek yang diluluskan menerusi peruntukan di bawah RMK13 RP1 Tahun 2026, yang merangkumi projek pengudaraan dan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan. Perolehan dan pemasangan *humidifier* baharu adalah termasuk dalam skop projek tersebut bagi memastikan kawalan kelembapan udara di Bilik Bahan Media berada pada tahap optimum dan seterusnya mengelakkan risiko pertumbuhan kulat serta kerosakan bahan media. |
| **64.9** | | **Laporan Latihan Universiti** | | |
| **7.** | **64.9(c)** | Mesyuarat memohon PTJ yang masih belum mencapai sasaran 100% staf hadir 18 jam latihan untuk mengambil tindakan sewajarnya dan memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai. | **TW TWP PP, TWP PTJ yang berkenaan** | **<u>PLS UPM:</u>**<br>Status terkini pencapaian latihan staf UPM bagi tahun 2025 adalah sebagaimana laporan oleh Penyelaras Latihan Staf (PLS) UPM seperti pada **Laporan Agenda 9 – Laporan Latihan Universiti.** |

<table>
<tr><th>BIL</th><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th><th>MAKLUM BALAS<br>STATUS TINDAKAN</th></tr>
<tr><td colspan="2">64.11</td><td colspan="3">Hal-hal Lain – Takwim Aktiviti Kualiti Perkhidmatan UPM Tahun 2026</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>64.11(d)</td><td>Mesyuarat meminta semua TWP PP/PTJ untuk membuat hebahan takwim tersebut kepada semua warga PTJ masing-masing.</td><td>TWP PP/PTJ</td><td>1) <u>TWP PP CQA:</u><br>Terdapat pindaan terkini pada Takwim Aktiviti Kualiti Perkhidmatan UPM Tahun 2026 dengan maklumat perubahan seperti berikut:
<table>
<tr><th>AKTIVITI</th><th>TARIKH ASAL</th><th>TARIKH BAHARU</th></tr>
<tr><td>Audit SIRIM QMS ISO 9001:2015 & ISMS ISO/IEC 27001:2022</td><td>10 Ogos 2026 hingga 14 Ogos 2026</td><td>7 September 2026 hingga 11 September 2026</td></tr>
</table>
Tarikh baharu ini sebagaimana yang telah disahkan oleh pihak SIRIM.<br><br>2) <u>TWP PP iDEC:</u><br>Takwim telah dikongsikan dengan warga iDEC pada 22 Januari 2026.</td></tr>
</table>